

18/07/2001

Pertumbuhan KDNK dikaji semula

KUALA LUMPUR, Selasa - Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, semalam mengesahkan bahawa Bank Negara akan mengkaji semula pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun ini.

"Anda kena tunggu pengumuman suku kedua. Kita akan kaji semula dan mengumumkannya kemudian," katanya selepas menghadiri majlis pelancaran duit syiling bulion Malaysia yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merangkap Menteri Kewangan di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh; dan Pengarah Urusan The Royal Mint of Malaysia, Datuk Megat Mohamad Abdul Wahab.

Dr Zeti berkata, Bank Negara akan mengumumkan pertumbuhan KDNK suku tahun kedua yang dijadualkan pada 23 Ogos ini.

Setakat ini, Bank Negara memfokus peratus bagi pertumbuhan KDNK bagi 2001 ialah 6.0 peratus daripada 5.0 peratus, sebelumnya.

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) hari ini turut menyemak ramalannya bagi pertumbuhan KDNK Malaysia tahun ini iaitu 2.2 peratus daripada 4.0 peratus yang diramalkan terdahulu, berdasarkan arah aliran ekonomi dalam negara dan dunia.

Pengarah Eksekutif MIER, Dr Mohamed Ariff, berkata kadar 2.2 peratus itu boleh dicapai memandangkan senario masa kini dan dasar yang diwujudkan kerajaan sekarang.

Sebelum itu, ketika menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan, Dr Zeti berkata, duit syiling emas bulion Malaysia akan dijual 30 cawangan Maybank dan 25 cawangan Bank Bumiputra-Commerce, mulai hari.

Duit syiling bulion yang dikeluarkan The Royal Mint of Malaysia itu diberi nama Kijang Emas, sempena gambar kijang pada duit syiling emas yang terawal di rantau ini.

Dr Zeti berkata, Kijang Emas adalah sama dengan duit syiling emas bulion terkemuka di dunia seperti Canadian Maple Leaf, American Gold Eagle, Australian Nugget, South African Krugerrand, Chinese Panda, Austrian Philharmonic dan British Britannia.

(END)